

# Kes denggi Terengganu meningkat

Naik empat kali ganda dalam enam bulan pertama tahun ini

Oleh RAHAYU MUSTAFA  
KUALA TERENGGANU

**K**es denggi di Terengganu meningkat empat kali ganda dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini iaitu sejak Januari hingga 18 Jun lalu.

Pengarah Kesihatan Negeri Terengganu, Datuk Dr Kasemani Embong berkata, sebanyak 85 kes denggi dilaporkan setakat ini, meningkat sebanyak 64 kes berbanding 21 kes dalam tempoh sama pada tahun lalu.

Ujarnya, Kuala Terengganu merekodkan jumlah kes denggi paling tinggi iaitu 54 kes diikuti Kuala Nerus (8), Marang (5),



Dr Kasemani (dua dari kiri) melihat gerai pameran sempena Sambutan Hari Denggi Asean & Gotong-Royong Mega 1.0 Perangi Aedes 2022 di Kampung Gong Tok Nasek, Kuala Terengganu pada Khamis.

Kemaman (5), Dungun (4), Hulu Terengganu (4), Besut (3) dan dua kes di Setiu.

"Sebanyak 13 kes denggi dilaporkan sepanjang minggu lepas berbanding tujuh kes pada minggu sebelumnya dan ini merupakan bilangan kes mingguan

tertinggi sejak Januari kerana purata kes mingguan sebelum ini antara dua hingga sembilan kes.

"Selain itu, terdapat dua episod wabak denggi dikesan berlaku di Kuala Terengganu dan Hulu Terengganu namun ter-

kawal dan setakat ini, tiada kematian akibat demam denggi dilaporkan di negeri ini sejak tahun 2021," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyempurnakan Sambutan Hari Denggi Asean & Gotong-Royong Mega 1.0

Perangi Aedes 2022 Peringkat Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT) mengikut norma baharu di Kampung Gong Tok Nasek, di sini pada Khamis.

Tambahnya, sepanjang tempoh tersebut, JKNT telah memeriksa sebanyak 80,845 premis di seluruh negeri sebagai kawalan dan pencegahan demam denggi dan daripada jumlah itu, 1,445 premis didapati positif.

Jelasnya, aktiviti pencegahan denggi akan diteruskan melibatkan agensi seperti Jawatankuasa Komunikasi Untuk Perubahan Tingkah Laku (Combi) dan Komuniti Sihat Perkasa Negara (Kospen).

"Terdapat 235 pasukan Combi di Terengganu yang diharapkan dapat membantu menggerakkan komuniti bagi pelaksanaan aktiviti pencegahan denggi.

"Kita juga meminta semua pihak supaya menjaga kebersihan di kawasan tempat tinggal masing-masing," ujarnya.